

## **GARIS PANDUAN MENGISI KONTRAK PERANTISAN PSMB**

---

### **PERANTIS**

- i. Perantis perlu mengisi nama penuh dan no. kad pengenalan di kontrak perkhidmatan di muka (1) dan (9).
- ii. Nama perantis dan no. kad pengenalan perlulah sama seperti yang tertera di atas kad pengenalan perantis.

### **SAKSI PERANTIS**

- i. Saksi bagi perantis mestilah merupakan ahli keluarga terdekat.

### **PENJAMIN**

- i. Penjamin mestilah merupakan ahli keluarga terdekat perantis seperti, ibu bapa, abang, kakak atau adik yang layak sebagai penjamin seperti yang disyaratkan di muka (9) bagi syarat kelayakan menjadi penjamin (1-4).
- ii. Penjamin perlu mengisi nama penuh dan no. kad pengenalan di kontrak perkhidmatan di muka (1) dan maklumat lengkap penjamin di muka (9).
- iii. Nama penjamin dan no. kad pengenalan perlulah sama seperti yang tertera di atas kad pengenalan penjamin.

### **SAKSI PENJAMIN**

- i. Saksi bagi penjamin mestilah merupakan ahli keluarga terdekat.

### **MAJIKAN PENAJA**

- i. Pihak majikan perlu mengisi nama penuh dan no. kad pengenalan pegawai yang bertanggungjawab di kontrak perkhidmatan di muka (10) beserta cop majikan.
- ii. Nama pegawai serta no. kad pengenalan perlulah sama seperti yang tertera di atas kad pengenalan pegawai.

### **SAKSI MAJIKAN PENAJA**

- i. Saksi kepada majikan penaja mestilah merupakan pekerja syarikat berkenaan dan nama, no.kad pengenalan serta cop syarikat perlu dilengkapkan di muka (10)

## **KONTRAK TIDAK SAH**

Kontrak adalah **TIDAK SAH/ TIDAK BOLEH** diguna pakai sekiranya:-

- i. Terdapat penggunaan '*liquid paper*' atau pemadam cecair ;
- ii. Penjamin bagi pihak perantis adalah bukan ahli keluarga terdekat seperti yang dinyatakan di bahagian PENJAMIN (9) ;
- iii. Saksi kepada majikan bukan pekerja syarikat yang terlibat ;
- iv. Saksi kepada majikan ditandatangani oleh penyedia latihan ;
- v. Tiada cop majikan di bahagian tandatangan majikan dan saksi majikan;
- vi. Syarat kelayakan sebagai penjamin tidak menepati syarat menjadi penjamin seperti di muka (9);
- vii. Menggunakan pen berwarna selain dari warna hitam dan biru; dan
- viii. Cetakan kontrak secara depan belakang atau '*double sided*' **TIDAK DIBENARKAN.**
- ix. Ruangan perantis berumur 18 tahun ke bawah tidak diisi dengan lengkap

.....  
*\*Untuk kegunaan PSMB sahaja*

### **SEMAKAN PEGAWAI**

### **LENGKAP**

### **TIDAK LENGKAP**

1) Maklumat Perantis

2) Maklumat Penjamin

3) Maklumat Majikan

### **KOMEN**

.....  
.....

Tarikh Penerimaan Kontrak:

Tandatangan Pegawai Penyemak

Tandatangan Pegawai Pengesah

.....  
Tarikh Semakan :

**FUTURE WORKERS**

.....  
Tarikh Semakan :